

# Sultan Kedah: Malaysia akan kehilangan negarawan terulung

UM 20 JAN 2003

ALOR STAR 19 Jan — Sultan Kedah menyifatkan Malaysia akan kehilangan seorang negarawan terulung dan telah berjasa termasuk membantu memajukan negeri ini setelah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengundur diri daripada kerajaan pada Oktober ini.

Baginda mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Dr. Mahathir yang memberi perhatian dan sentiasa mengambil berat mengenai pembangunan Kedah.

“Beta juga yakin dan percaya pengganti beliau akan meneruskan kerjasama erat yang telah terjalin demi faedah pembangunan negeri Kedah dan negara,” titahnya.

Sultan Kedah menyentuh perkara itu ketika bertitah pada majlis penganugerahan darjah-darjah serta bintang-bintang kebesaran sempena ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-75, di Istana Anak Bukit, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Dr. Ma-

hathir menerima Darjah Kerabat (DK) iaitu darjah kebesaran tertinggi negeri Kedah.

Dr. Mahathir sebelum ini telah mengumumkan untuk melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur, pada Oktober ini.

Turut menerima darjah kebesaran ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang dikurniakan Datuk Seri Setia Diraja sementara Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Paduka Ismail Shafie dikurniakan Datuk Lela Setia.

Dua orang menerima darjah Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (D.H.M.S) iaitu Mufti Kedah, Datuk Sheikh Hasbullah Abd. Halim dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Abd. Halil Mutalib.

Sementara itu, empat orang menerima Darjah Kebesaran Gemilang Seri Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati (D.G.-M.K) dan seramai 36 orang menerima Darjah Setia

Diraja Kedah (D.S.D.K) yang membawa gelaran Datuk.

Sementara itu, Sultan Kedah berpuas hati terhadap usaha kerajaan negeri yang memberi tumpuan kepada aspek ekuiti dan pengagihan kekayaan hasil pembangunan yang dijalankan oleh semua lapisan masyarakat.

Baginda bertitah, perancangan seperti ini akan menambahkan pendapatan dan kuasa membeli para penduduk yang akhirnya akan mewujudkan kemakmuran.

## Berbangga

Dalam masa sama, baginda turut berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang gigih merancang dan melaksanakan program pembangunan bersepadu ke arah menjadikan negeri maju menjelang tahun 2010.

“Beta percaya rakyat jelata di semua kawasan akan menikmati kemudahan peningkatan taraf hidup dan memanfaatkan peluang-peluang ekonomi

melalui pelbagai projek yang dibina,” titah baginda.

Mengenai jalinan hubungan erat kerajaan negeri dengan wilayah selatan Thailand, Sultan Kedah berharap pembangunan di Kota Perdana, Bukit Kayu Hitam dan Kota Putra serta Durian Burung akan menjadi bukti kepada bentuk kerjasama daripada aspek pembangunan kawasan sempadan di samping mewujudkan kawasan pertumbuhan ekonomi baru.

Selain itu, baginda berharap agar jentera pentadbiran diperkemas, diperkukuhkan dan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan terkini agar dapat menjalankan tugas dengan cekap, cepat serta berkesan.

Dalam masa yang sama, ketua-ketua jabatan perlu mempunyai daya kepimpinan yang tinggi untuk membimbing pegawai dan kakitangan jabatan merancang serta melaksanakan kepimpinan melalui teladan yang pernah dilancarkan oleh kerajaan tahun lalu.